SAMPEL PERCUMA

Kertas Trial SPM Pendidikan Islam Putrajaya 2025

Set penuh: Kertas Trial SPM

Pendidikan Islam (35+ set)

Sampel ini: 4 muka surat. Set penuh ada:

- Kertas trial SPM dari banyak negeri untuk subjek yang dipilih
- Skema jawapan / cadangan jawapan
- Set Penuh: semua 17 subjek dan jadual ulangkaji A+

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/kertas-percubaan-spm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

Jawab **semua** *soalan.*

1 (*a*) Firman Allah SWT:

قَدْ خَلَتْ مِن قَبْلِكُمْ سُنَنٌ فَسِيرُواْ فِي ٱلْأَرْضِ فَٱنظُرُواْ كَيْفَ كَانَ عَٰقِبَةُ ٱلْمُكَذِّبِينَ ﴿١٣٧﴾ هَٰذَا بَيَانٌ لِّلنَّاسِ وَهُدًى وَمَوْعِظَةٌ لِّلْمُتَّقِينَ ﴿١٣٨﴾ وَلَا تَهِنُواْ وَلَا تَحْزَنُواْ وَأَنتُمُ ٱلْأَعْلَوْنَ إِن كُنتُم مُّؤْمِنِينَ ﴿١٣٩﴾

(Surah Ali Imran: 137-139)

Ayat di atas menjelaskan sunnatullah terhadap semua makhluk.
Berdasarkan ayat di atas,

(i) Apakah maksud sunnatullah? [2 *markah*]

(ii) Nyatakan sebab turun ayat 139 surah Ali Imran. [2 *markah*]

Kaum Nabi Luth a.s. telah dibinasakan dengan bumi diterbalikkan kerana mengingkari perintah Allah SWT.

(iii) Bagaimanakah kita dapat mengambil iktibar daripada apa yang menimpa kaum Nabi Luth a.s? Huraikan hujah anda. [4 *markah*]

(*b*) Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنَ عُمَرَ ، يَقُولُ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ:
«كُلُّكُمْ رَاعٍ، وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، الإِمَامُ رَاعٍ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، وَالرَّجُلُ رَاعٍ فِي أَهْلِهِ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، وَالمَرْأَةُ رَاعِيَةٌ فِي بَيْتِ زَوْجِهَا وَمَسْئُولَةٌ عَنْ رَعِيَّتِهَا، وَالخَادِمُ رَاعٍ فِي مَالِ سَيِّدِهِ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ» قَالَ: - وَحَسِبْتُ أَنْ قَدْ قَالَ - «وَالرَّجُلُ رَاعٍ فِي مَالِ أَبِيهِ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، وَكُلُّكُمْ رَاعٍ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ»

(رواية البخاري)

Hadis di atas menjelaskan tentang golongan yang diberi tanggungjawab sebagai pemimpin.
Berdasarkan hadis di atas,

(i) Nyatakan **dua** individu yang disebut dalam hadis di atas selain pemimpin. [2 *markah*]

(ii) Nyatakan **dua** nasihat Luqman al-Hakim kepada anaknya dalam surah Luqman ayat 12-19. [2 *markah*]

(iii) Terangkan pengajaran daripada hadis di atas. [2 *markah*]

Tidak bertangguh dalam melaksanakan tugas sebaliknya merancang dengan sebaik mungkin untuk menyelesaikan amanah tugasan yang diberikan.

(iv) Berikan pendapat anda berkaitan pernyataan di atas. [4 *markah*]

(*c*) Nyatakan **dua** bahagian *Mad Lazim Kalimi*. [2 *markah*]

2 (*a*) Al-Muntaqim merupakan salah satu daripada nama-nama Allah SWT.

(i) Apakah maksud al-Muntaqim? [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** kefahaman mengenai nama Allah al-Muntaqim. [2 *markah*]

Setiap amalan baik dan buruk akan dibalas oleh Allah SWT.

(iii) Bincangkan pernyataan di atas dengan menghubungkaitkan akhlak sebagai seorang murid di sekolah berdasarkan konsep al-Muntaqim. [4 *markah*]

(*b*) (i) Nyatakan takrif ajaran sesat. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** ciri ajaran sesat dari aspek akidah. [2 *markah*]

(*c*) Khawarij merupakan kumpulan pengikut Saidina Ali bin Abi Talib r.a yang berpaling tadah kerana tidak berpuas hati dengan keputusan Majlis Tahkim.

(i) Jelaskan **dua** prinsip Khawarij. [2 *markah*]

Kuala Lumpur: Gelombang pemikiran Khawarij dan Takfiri di negara ini kini berada pada tahap membimbangkan, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar. Sumber ubah suai: *Sinar Harian* 14 Mac, 2024

(ii) Apakah implikasi sekiranya aliran pemikiran di atas tidak dibendung oleh pihak berkuasa? [2 *markah*]

(iii) Bincangkan langkah untuk membendung pemikiran di atas daripada berleluasa. [4 *markah*]

3 (*a*) Ibadat akikah dilakukan sebagai tanda kesyukuran atas nikmat Allah SWT.

(i) Senaraikan **dua** contoh binatang al-An'am yang disyariatkan akikah. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** perkara sunat akikah. [2 *markah*]

(iii) Terangkan **dua** hikmah disyariatkan akikah. [4 *markah*]

(*b*) (i) Nyatakan maksud solat sunat Istikharah. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan kaifiat menunaikan solat sunat Istikharah dari aspek:

1. Bilangan rakaat	
2. Waktu	
3. Cara pelaksanaan	

[3 *markah*]

(*c*) (i) Apakah hukum iddah? [1 *markah*]

Bercerai hidup (belum putus haid)	Bercerai mati
Maklumat A	**Maklumat B**

(ii) Mengapakah iddah disyariatkan dalam Islam? [2 *markah*]

(iii) Hubungkaitkan maklumat A dan B untuk membolehkan seorang wanita itu berkahwin semula selepas berlakunya perceraian. Huraikan. [4 *markah*]

4 (*a*) Kerajaan Khulafak al-Rasyidin merupakan kerajaan Islam selepas era pemerintahan Rasulullah SAW di Madinah.

(i) Jelaskan ciri kepimpinan khalifah Abu Bakar al-Siddiq. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** pencapaian pemerintahan Khulafak al-Rasyidin dari aspek ketenteraan. [4 *markah*]

Ucapan Saidina Uthman bin Affan: "Sesungguhnya kehidupan di dunia ini hanyalah merupakan permainan yang melalaikan. Di akhirat kelak, seksaan yang pedih bagi yang mengengkari serta keredhaan Allah SWT bagi yang taat".

(iii) Kemukakan hujah anda untuk menyokong pernyataan tersebut. [4 *markah*]

(*b*) Imam Malik r.a adalah salah seorang agamawan yang terkemuka.

(i) Nyatakan riwayat hidup Imam Malik r.a. [2 *markah*]

(ii) Terangkan bukti kesungguhan Imam Malik r.a. dalam menuntut ilmu. [2 *markah*]

(*c*) Sultan Muhammad al-Fateh merupakan pemerintah kerajaan Uthmaniyah yang disegani.

Abdullah bin Bisyrin al-Khas'amiy daripada ayahnya meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda :

لَتُفْتَحَنَّ الْقَسْطَنْطِينِيَّةُ فَلَنِعْمَ الْأَمِيرُ أَمِيرُهَا وَلَنِعْمَ الْجَيْشُ ذَلِكَ الْجَيْشُ

Maksud : Sesungguhnya Qastantiniah (Costantinople) itu pasti akan dibuka. Sebaik-baik ketua ialah ketuanya dan sebaik-baik tentera adalah tenteranya.

(i) Huraikan cara terbaik untuk merealisasikan hadis di atas sebagai seorang pemimpin. [2 *markah*]

(ii) Ramalkan apakah yang akan berlaku sekiranya seorang pemimpin tidak memainkan peranannya? Bincangkan. [4 *markah*]

5 (*a*) Keseimbangan merupakan salah satu daripada prinsip wasatiah.

(i) Apakah maksud keseimbangan dalam wasatiah? [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** aspek keseimbangan dari aspek rohani. [2 *markah*]



(iii) Mengapakah kita dituntut mengamalkan amalan pemakanan seperti di atas? [2 *markah*]

(iv) Bagaimanakah saranan di atas dapat diaplikasikan dalam kehidupan seharian. Berikan pandangan anda. [4 *markah*]

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Kertas Trial SPM

Pendidikan Islam (35+ set)

Sampel ini: 4 muka surat. Set penuh ada:

- Kertas trial SPM dari banyak negeri untuk subjek yang dipilih
- Skema jawapan / cadangan jawapan
- Set Penuh: semua 17 subjek dan jadual ulangkaji A+

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/kertas-percubaan-spm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar